



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

HARIAN METRO 15/3/2018 p.25

Pengurusan sistematik harta wakaf

sistem kewangan yang baik untuk menjaga pendapatan daripada hasil sewaan harta wakaf.

Agensi wakaf juga dapat membantu menjaga manfaat dengan adanya kakitangan mahir untuk pembangunan, pengurusan wakaf serta mempromosikan mana-mana harta wakaf yang hendak di-sewakan individu, syarikat, persatuan atau pertubuhan bukan kerajaan dengan kadar sewa yang berpatutan berbanding bangunan komersial yang lebih mahal sewanya.

Kempen kesedaran kepada masyarakat melalui semua wakil MAIN juga perlu ditingkatkan supaya orang awam dapat menggunakan manfaat harta wakaf di semua negeri di Malaysia.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di Jabatan Kimia, Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia

kan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas (Kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui." (Surah al-Baqarah, ayat 261)

Antara kelebihan dan kebaikan wakaf:

a. Menzahirkan pengabdian dan mendekatkan diri kepada Allah SWT.

b. Meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT.

c. Untuk berkongsi manfaat dan kebaikan kepada ummah dalam meningkatkan syiar Islam.

d. Mendapat pahala amal kebajikan berterusan walaupun pewakaf sudah meninggal dunia.

e. Mengukuhkan perpaduan dan ekonomi umat Islam.

f. Membantu pembangunan dan kegunaan anak yatim, orang miskin, muallaf dan sebagainya.

g. Menjamin harta itu berkekalan dalam kebaji-

kan dan perkongsian aset umat Islam.

Berdasarkan undang-undang di Malaysia, bidang kuasa pentadbiran wakaf terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan di bawah Jadual 9, Senarai II: Senarai Negeri (Perlembagaan Persekutuan, 1963).

Negeri-negeri menerusi Enakmen/Ordinan Agama Islam masing-masing menetapkan, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) adalah pemegang amanah tunggal (*sole trustee*) bagi harta wakaf di negeri berkenaan.

Pengurusan wakaf diuruskan MAIN iaitu jabatan kerajaan negeri dan boleh melantik agensi wakaf milik penuh MAIN untuk membangunkan harta wakaf seperti tanah dan bangunan supaya boleh disewakan kepada orang ramai.

Hasil sewa itu pula boleh digunakan untuk kelestarian dan penyelenggaraan harta wakaf yang lain pula.

Agensi wakaf merujuk kepada organisasi sama ada dalam bentuk perbadanan, syarikat atau koperasi yang ditubuhkan MAIN untuk mengurus dan membangunkan harta wakaf.

Menurut Pensyarah Jabatan Perakaunan dan Kewangan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Putra Malaysia, Dr Amalina Abdullah, Sarawak negeri pertama mempunyai agensi wakafnya sendiri iaitu Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) ditubuhkan pada 1984.

Walau bagaimanapun, peranan wakaf hanya dapat dilaksanakan selepas mendapat punca kuasa pelantikan sebagai pemegang amanah wakaf daripada Majlis Islam Sarawak

(MIS) pada 2001.

Negeri kedua menubuhkan agensi wakaf adalah Negeri Sembilan iaitu Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan (PWNS).

Selangor pula menubuhkan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) pada 2011.

Negeri lain yang menubuhkan agensi wakaf pada 2016 adalah Perak dengan nama Wakaf Ar-Ridzuan dan Wilayah Persekutuan dengan nama Pusat Wakaf Wilayah Persekutuan.

Hasil penyelidikan dijalankan kumpulan penyelidikan, Dr Amalina menyatakannya, kelestarian pembangunan wakaf akan berjaya sekiranya sistem pengurusan agensi wakaf dapat dilaksanakan dengan sistematik.

Ini termasuk mempunyai kepakaran dan kemahiran tertentu seperti pembinaan projek bangunan, pengurusan teknologi aset dan

Harta yang diwakafkan akan menjadi harta kekal sebagai hak Allah SWT dan tidak boleh dijual beli atau dipusakai.

Ulama menyatakan, amalan berwakaf adalah ibadat berbentuk sedekah jariah.

Selagi harta atau manfaat harta yang diwakafkan itu digunakan orang ramai, pahala itu akan berkekalan kepada pewakaf buat selama-lamanya.

Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Bandingan (pahala) orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah seumpama sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai dan tiap-tiap tangkai itu pula terdapat seratus biji. Dan ingatlah Allah akan melipatganda-